

## **Keberkesanan Kobo-PSH Dalam Pengurusan Data Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) Di Kolej Komuniti Kota Marudu, Sabah**

**Zulkurnain Hassan<sup>1\*</sup>, Norazlina Musa<sup>1</sup>, Noor Haslinda Baidari<sup>2</sup>**

<sup>1</sup>Kolej Komuniti, Kota Marudu

<sup>2</sup>Kolej Komuniti, Tanjung Piai

\*Corresponding author E-mail: Zulkurnainhassan@gmail.com

### **Abstrak**

Platform KoBoToolbox menjadi sandaran utama pembangunan Sistem Kobo-PSH bagi menyediakan data maklumat yang lebih cekap dan mesra pengguna dalam memudahkan pengurusan dan pentadbiran rekod data di Jabatan Pembelajaran Sepanjang Hayat di Kolej Komuniti Kota Marudu, Sabah. Ia bagi memastikan perancangan, permohonan, penyediaan dokumen fail, penganalisan data dan laporan perkaitan kursus dapat disimpan dan diselenggarakan dengan lebih efisien, efektif dan sistematik secara atas talian. Kajian ini telah dijalankan untuk melihat keberkesanan pelaksanaan Sistem Pengurusan Data Pembelajaran Sepanjang Hayat (KoBo-PSH) dalam kalangan warga Kolej Komuniti Kota Marudu. Sistem ini masih baru diperkenalkan kepada pengguna. Oleh itu kajian ini juga untuk melihat keberkesanan dan masalah atau penambahbaikan yang boleh dibuat. Kajian berbentuk tinjauan ini menggunakan instrumen soal selidik yang dihantar melalui *Telegram* kepada responden yang terdiri daripada semua pensyarah (18 orang responden) di Kolej Komuniti Kota Marudu yang menggunakan sistem ini. Hasil dapatan menunjukkan responden tahu kewujudan sistem dan 50% daripada mereka kerap menggunakan sistem ini. Bagi pandangan fizikal terhadap sistem secara keseluruhannya berpendapat sistem ini adalah baik. Dari segi pandangan terhadap tatacara sistem Kobo-PSH ia adalah mudah digunakan, lebih cepat, mudah diisi, difahami dan dipatuhi. Analisa bagi faktor kesan kepada produktiviti dan kualiti kerja menunjukkan responden setuju bahawa Sistem Kobo-PSH adalah sangat baik dalam meningkatkan semangat dan kualiti bekerja.

**Kata Kunci:** KoBoToolbox; pengurusan data; pemantauan; perancangan; cekap

### **1.0 PENGENALAN**

Kolej komuniti merupakan institusi penyedia pendidikan dan latihan kemahiran kepada semua lapisan masyarakat. Ianya meliputi golongan belia, warga emas, pesara, pelajar sekolah, suri rumah, pekerja industri, penganggur, golongan yang terdicir dari pendidikan formal, masyarakat pribumi, banduan serta mencakupi penduduk yang jauh di pedalaman turut dititikberatkan dan digalakkan untuk meningkatkan penglibatan dalam Pembelajaran Sepanjang Hayat. Kursus PSH juga bertujuan untuk meningkatkan kemahiran sedia ada (upgrading), memahirkan semula (reskilling) dan mempelbagaikan kemahiran (multiskilling). Jabatan Pembelajaran Sepanjang Hayat, Kolej Komuniti Kota Marudu sedang giat meningkatkan usaha untuk memperkasakan pengurusan PSH agar lebih mudah, relevan dan bersistematik. Oleh yang demikian, langkah-langkah yang lebih strategik telah diambil untuk mencapai matlamat tersebut. Secara tidak langsung ini merupakan satu cabaran kepada Jabatan PSH di Kolej Komuniti Kota Marudu untuk meningkatkan kualiti pengurusan bagi memperbaiki tahap pengurusan yang sedia ada ke arah memenuhi kehendak *stakeholder*. Ini

menjadi fokus utama bagi memartabatkan dalam keberkesanan organisasi. Merujuk kepada Zainab (2012) dalam *Buku Pelan Pemerkasaan Kolej Komuniti 2013-2015*, enam teras untuk mendukung pencapaian ke arah melahirkan pekerja berpengetahuan, berkemahiran, berketrampilan, berdaya saing dan berkepimpinan menerusi pendidikan dan latihan yang bersepadu adalah seperti berikut:

1. Memperkasa Pembelajaran Sepanjang Hayat;
2. Mengarusperdana dan Memperluas Akses Kepada TVET;
3. Meningkatkan Keberkesanan Organisasi;
4. Meningkatkan Keupayaan dan Daya Saing Komuniti;
5. Memperkukuh Kerjasama Strategik dengan Rakan Industri dan Agensi; dan
6. Meningkatkan Kapasiti dan Bakat

Bagi mempertingkatkan kualiti penyampaian pembelajaran dan pengajaran PSH, terdapat keperluan untuk menambah baik sistem pemantauan pelaksanaan kursus pendek secara berterusan. Tahap keberkesanan kursus pendek yang dilaksanakan perlu dikenal pasti dengan mewujudkan sistem pengurusan yang lebih inovatif dan kreatif terhadap sistem pengurusan manual yang sedia ada. Penekanan ke arah meningkatkan kreativiti dan inovasi dalam kalangan warga Kolej Komuniti Kota Marudu boleh diterjemahkan dalam laporan kajian keberkesanan yang disediakan ini.

## 1.1 Latar Belakang Masalah

Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) merupakan tonggak ketiga dalam pembangunan modal insan berpengetahuan dan berkemahiran tinggi selain daripada pendidikan asas dan pendidikan tertiar negara. Merujuk kepada lonjakan ketiga juga di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 – 2025 (Pendidikan Tinggi) atau PPPM (PT), lonjakan ini memfokus kepada seluruh warga Malaysia menghayati Pembelajaran Sepanjang Hayat. Justeru itu, Jabatan Pembelajaran Sepanjang Hayat (JPSH) di Kolej Komuniti Kota Marudu, Sabah(KKKMS) sentiasa menerima permintaan ataupun permohonan pelbagai kursus daripada komuniti setempat untuk keperluan '*upskilling*' dan '*re-skilling*'. Namun begitu, JPSH mengalami kesukaran dalam pengurusan dan pentadbiran bagi memantau dan mengemaskini rekod data pencapaian prestasi pensyarah serta maklumat-maklumat kursus PSH yang akan dan telah dijalankan.

Pengurusan dan pentadbiran data secara manual menyebabkan penyimpanan rekod data tersebut tidak teratur dan adakalanya berlaku keciciran. Maka dengan itu, satu sistem lebih efisien diwujudkan dan dibangunkan untuk menambahbaik sistem pengurusan manual di JPSH iaitu Sistem Pengurusan Data Pembelajaran Sepanjang Hayat (KoBo-PSH). Sistem KoBo-PSH ini merupakan satu inovasi terhadap sistem pengurusan data manual yang sedia ada untuk memastikan semua rekod data dan aktiviti yang dijalankan di bawah JPSH dapat dipantau dan diselenggara secara atas talian bagi pengurusan dan pentadbiran lebih mantap dan berstruktur. Idea ini timbul kerana pada awalnya, sistem pengurusan data PSH yang manual hanya menggunakan perisian *MS EXCEL 2010* di mana ianya dilihat oleh pengkaji sebagai tidak mesra pengguna. Maksud tidak mesra pengguna ini ialah kesukaran di pihak

pensyarah untuk merekod data dan adakalanya berlaku keciciran, menyediakan fail-fail kursus PSH yang akan dijalankan dan kesukaran memantau dan mengemaskini rekod data pencapaian pensyarah secara individu. Walaubagaimanapun kini, sistem tersebut telah ditambahbaik daripada manual kepada atas talian (online) dengan menggunakan platform Perisian Sumber Terbuka iaitu KoBoToolbox secara menyeluruh.

Tanpa bahasa pengaturcaraan yang rumit menjadikan ciri sistem ini lebih menarik, cekap dan mesra pengguna serta dapat membantu pengguna menggunakannya dengan mudah dan senang difahami. Manakala dari segi masa yang digunakan oleh pensyarah untuk menyediakan kertas kerja, fail kursus pendek dan laporan juga dapat dijitamkan. Ini kerana sebelum ini pensyarah seringkali menghadapi kekangan masa untuk berjumpa dengan penyelarar Jabatan PSH secara terus kerana masing-masing mempunyai tanggungjawab hakiki untuk mengajar sepenuh masa seterusnya proses penyediaan fail kursus juga akan tertunda.

Sistem KoBo-PSH ini dapat membantu pengguna mengakses maklumat dengan lebih menarik, cekap dan mesra pengguna. Di samping itu, pensyarah juga boleh melihat pencapaian kursus mereka mengajar kursus pendek pada setiap bulan tanpa perlu berjumpa penyelarar di Jabatan PSH. Maka pengkaji merasakan masalah pengurusan dan pentadbiran data dapat diselesaikan dengan mewujudkan Sistem KoBo-PSH ini.

## 1.2 Penyataan Masalah

Terdapat beberapa isu dalam pengurusan data PSH di Kolej Komuniti Kota Marudu iaitu

- i. Pengumpulan data dan maklumat kursus yang tidak teratur dan tersusun.
- ii. Masa yang agak panjang diambil bagi sesuatu pengurusan kursus PSH.
- iii. Dokumen-dokumen di dalam setiap fail kursus perlu dicetak. Pemerhatian menunjukkan pembaziran dari segi penggunaan kertas dan fotostat
- iv. Keselamatan semua rekod data adalah kurang selamat.
- v. Kurang keberkesanan dan kecekapan dalam pengurusan dan pentadbiran di Jabatan PSH.
- vi. Penggunaan komputer yang sangat minima menjadikan pengurusan PSH kurang sistematik.

Rentetan itu, kajian ini telah dijalankan untuk melihat keberkesanan pelaksanaan Sistem Pengurusan Data Pembelajaran Sepanjang Hayat (**KoBo-PSH**) dalam kalangan warga Kolej Komuniti Kota Marudu. Sistem ini masih baru diperkenalkan kepada pengguna. Oleh itu kajian ini juga untuk melihat keberkesanan dan masalah atau penambahbaikan yang boleh dibuat. Kajian berbentuk tinjauan ini menggunakan instrumen soal selidik yang dihantar melalui 'Telegram' kepada responden yang terdiri daripada semua pensyarah di dalam Kolej Komuniti Kota Marudu.

### 1.3 Objektif Kajian

Kajian ini adalah secara umumnya untuk melihat keberkesanan Sistem KoBo-PSH dalam pengurusan data kursus Pembelajaran Sepanjang Hayat di Kolej Komuniti Kota Marudu. Secara kursusya, ia adalah bagi:-

- i. Mengenalpasti kesedaran pensyarah Kolej Komuniti Kota Marudu, Sabah mengenai kewujudan system KoBo-PSH
- ii. Mengenalpasti pandangan pengguna terhadap fizikal Sistem KoBo-PSH.
- iii. Mengenalpasti pandangan pengguna mengenai tatacara Sistem Kobo-PSH
- iv. Mengetahui kesan pelaksanaan dan penggunaan sistem ini terhadap produktiviti dan kualiti kerja dalam organisasi.

### 1.4 Persoalan Kajian

Kajian ini adalah untuk menjawab beberapa persoalan iaitu

#### Persoalan Kajian 1

Adakah pensyarah menyedari kewujudan sistem KoBo-PSH?

#### Persoalan Kajian 2

Apakah pandangan pengguna mengenai antaramuka Sistem KoBo-PSH?

#### Persoalan Kajian 3

Bagaimanakah pandangan pengguna mengenai tatacara Sistem KoBo-PSH?

#### Persoalan Kajian 4

Apakah kesan pelaksanaan dan penggunaan sistem ini terhadap produktiviti dan kualiti kerja dalam organisasi

## 2.0 METODOLOGI KAJIAN

Kaedah penyelidikan yang digunakan bagi kajian ini adalah kaedah tinjauan berbentuk deskriptif. Data akan diperolehi melalui soal selidik yang menggunakan skala Likert dan diproses secara deskriptif untuk menjawab persoalan dan objektif kajian. Seramai 18 responden daripada kalangan pensyarah Kolej Komuniti Kota Marudu, Sabah diberikan soal selidik melalui “Telegram” melalui aplikasi *ToboToolBox* melalui link <https://ee.kobotoolbox.org/x/#Y1ff>. Didapati 100% telah menjawab 20 soalan yang merujuk kepada persoalan di atas dalam tempoh selama 1 minggu. Analisa kajian hanyalah menggunakan analisa peratusan dan tidak dilakukan ‘*cross tabulation / hypotheses testing*’ Skala Likert digunakan sebagai mengenal pasti aras persetujuan responden bagi setiap pernyataan. Aras persetujuan yang akan digunakan adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1. Sebanyak 20 soalan diberikan dan pembahagian item mengikut soalan kajian adalah seperti jadual 2

**Jadual 1:** Markat Item-item Skala Likert

Aras persetujuan	Skala
Sangat tidak setuju	1
Tidak setuju	2
Tidak pasti	3
Setuju	4
Sangat Setuju	5

(Sumber: Mohd Majid, 2004)

**Jadual 2:** Pembahagian item mengikut soalan

Item	Bilangan Soalan
Kewujudan sistem KoBo-PSH	3
Fizikal Sistem KoBo-PSH?	5
Tatacara Sistem KoBo-PSH?	3
Apakah Kesan Pelaksanaan Dan Penggunaan	9
<b>Jumlah</b>	<b>20</b>

### 3.0 HASIL DAN DAPATAN KAJIAN

#### 3.1 Dapatan Kajian

##### 3.1.1 Analisa Demografi

**Jadual 3:** Ciri-ciri Demografi Responden

CIRI-CIRI DEMOGRAFI	FREKUENSI	PERATUS (%)
<b><u>Jantina.</u></b>		
Lelaki	8	44.44
Perempuan	10	55.56
<b><u>Umur.</u></b>		
25 - 30 Tahun	12	66.67
31 - 35 Tahun	4	22.22
36 – 40	1	5.56
41 dan keatas	1	5.56
<b><u>Program/Unit.</u></b>		
SPU	7	38.89
SPU	7	38.89
PA	4	22.22

Jadual 3 menunjukkan hasil analisa ciri-ciri demografi responden yang terlibat dalam kajian. Didapati bahawa seramai 8 orang (44.44%) responden terdiri daripada lelaki dan 10 orang (55.56%) responden terdiri daripada perempuan. Analisis umur menunjukkan bahawa majoriti daripada responden iaitu seramai 12 orang (66.67%) adalah terdiri daripada mereka yang berusia antara 25-30 tahun, diikuti oleh responden yang berusia 31 – 35 tahun seramai 4 orang (22.22%) dan hanya dua orang (2.2%) responden berusia 36 tahun dan keatas. Analisis data program menunjukkan bahawa seramai 7 orang (38.89%) responden adalah dari program SPU, 7 responden (38.89%) dari program SPB dan 4 orang (22.22%) adalah dari unit Pengajian Am.

### 3.1.2 Analisa Persoalan Kajian

#### *Persoalan Kajian 1: Adakah pensyarah menyedari kewujudan sistem KoBo-PSH?*

**Jadual 4:** Kewujudan Sistem KoBo-PSH

Item	Pernyataan	Peratus					Jumlah
		Timbalan Pengarah	Penyelaras PSH	Rakan	Lain-lain		
1.	Saya mengetahui mengenai Sistem iPSH	61.11% (11)	27.78% (5)	5.56% (1)	5.56% (1)	100% (18)	

**Jadual 5:** Kekerapan Penggunaan Sistem

Item	Pernyataan	<3 kali	4-6 kali	7-10 Kali	Jumlah
2.	Kekerapan saya menggunakan sistem ini	66.67% (12)	16.67% (3)	16.67% (3)	100% (18)

**Jadual 6:** Peranan mengakses Sistem

Item	Pernyataan	Pengguna	Pentadbir	AJK PSH	Jumlah
3.	Saya mengakses sistem ini adalah sebagai	72.22% (13)	22.22% (4)	5.56% (1)	100% (18)

Dari dapatan jadual 4 menunjukkan peratusan responden terhadap kewujudan Sistem KoBo-PSH. Bagi pernyataan “Saya mengetahui mengenai Sistem KoBo-PSH”, seramai 61.11% responden (11 orang) mengetahui sistem ini melalui Timbalan Pengarah, 27.78% responden (5 orang) mengetahui daripada Penyelaras PSH dan 5.56% responden (1 orang) mengetahui tentang kewujudan KoBo-PSH melalui rakan-rakan dan lain-lain.

Bagi pernyataan “Kekerapan saya menggunakan sistem ini adalah” didapati 66.67% responden (12 orang) menggunakan sistem ini kurang daripada 3 kali, 16.67% responden (3 orang) pula menggunakan sistem sebanyak 4 hingga 6 kali dan 7-10 kali.

Melalui analisa berkaitan dengan akses pengguna. Jadual menunjukkan penyataan “Saya mengaksis sistem ini adalah sebagai”. Didapati 72.22% responden (13 orang) adalah pengguna biasa, 22.22% responden (4 orang) sebagai pentadbir dan 5.56% responden (1 orang) adalah sebagai AJK PSH.

***Persoalan Kajian 2: Apakah pandangan pengguna mengenai terhadap antaramuka Sistem KoBo-PSH?***

**Jadual 7:** Pandangan Pengguna Terhadap Antaramuka Sistem

Item	Pernyataan	Peratus				
		STS	TS	TP	S	SS
1.	Promosi mengenai sistem ini diketahui oleh saya dan ianya mudah.	0	0	16.67	72.22	11.11
2.	Sistem tiada masalah capaian dari komputer di dalam kolej	0	0	0	66.67	33.33
3.	Sistem boleh di akses melalui komputer / laptop / smartphone / tab di luar pejabat untuk memudahkan kerja.	0	0	0	55.56	44.44
4.	Grafik, warna dan susun letak bagi sistem menarik.	0	0	16.67	50	33.33
5.	Maklumat yang dipaparkan dalam sistem mudah difahami	0	0	0	66.67	33.33

Jadual 7 menunjukkan peratusan pandangan responden terhadap fizikal Sistem KoBo-PSH. Bagi item pernyataan “Promosi mengenai sistem ini diketahui oleh saya dan ianya mudah” didapati jumlah responden yang berpendapat tidak pasti adalah 16.67% responden, 72.2% responden berpendapat setuju, 11.11% responden berpendapat sangat setuju.

Selain itu, pernyataan “Sistem tiada masalah capaian dari komputer di dalam kolej” di mana jumlah responden yang berpendapat setuju adalah 66.67% responden, 33.33% responden berpendapat sangat setuju.

Manakala pernyataan “Sistem boleh di akses melalui komputer / laptop / smartphone / tab di luar pejabat untuk memudahkan kerja” didapati jumlah responden yang berpendapat setuju adalah 55.56% responden , 44.44% responden berpendapat sangat setuju dengan pernyataan ini.

Hasil kajian menunjukkan bahawa pernyataan “Grafik, warna dan susun letak bagi sistem menarik” didapati responden yang berpendapat tidak pasti adalah 16.67%, 50% berpendapat setuju serta sebanyak 33.33% berpendapat sangat setuju dengan pernyataan ini.

Justeru itu, pernyataan “Maklumat yang dipaparkan dalam sistem mudah difahami” pula didapati jumlah responden yang berpendapat setuju adalah 66.67% dan 33.33%

berpendapat sangat setuju terhadap pernyataan ini. Dalam aspek pandangan pengguna terhadap fizikal Sistem Kobo-PSH, secara keseluruhannya responden berpendapat bahawa sistem adalah baik

**Persoalan Kajian 3: Bagaimanakah pandangan pengguna mengenai Tatacara Sistem KoBo-PSH?**

**Jadual 8:** Pandangan Pengguna Terhadap Tatacara Sistem KoBo-PSH

Item	Pernyataan	Peratus				
		STS	TS	TP	S	SS
1.	Sistem mudah digunakan.	0	0	0	72.22	27.78
2.	Penggunaan sitem lebih cepat daripada kaedah manual (Borang Manual)	0	0	0	66.67	33.33
3.	Borang-borang dalam sistem mudah diisi, difahami dan dipatuhi	0	0	0	66.67	33.33

Jadual 8 menunjukkan peratusan pandangan pengguna terhadap tatacara Sistem KoBo-PSH. Bagi item pernyataan “Sistem mudah digunakan” didapati jumlah responden yang berpendapat setuju adalah 72.22% dan 27.78% berpendapat sangat setuju.

Manakala bagi pernyataan “Penggunaan sistem lebih cepat daripada kaedah manual (Borang Manual)” didapati jumlah responden yang berpendapat sangat setuju adalah 66.67% dan 33.33% berpendapat sangat setuju.

Bagi pernyataan “Borang-borang dalam sistem mudah diisi, difahami dan dipatuhi” pula didapati jumlah responden yang berpendapat setuju adalah 66.67% dan 33.33% berpendapat sangat setuju. Dalam aspek pandangan pengguna terhadap tatacara Sistem KoBo-PSH, secara keseluruhannya responden berpendapat bahawa tatacara sistem adalah baik.

**Persoalan Kajian 4: Apakah Kesan Pelaksanaan Dan Penggunaan Sistem Ini Terhadap Produktiviti Dan Kualiti Kerja Dalam Organisasi**

**Jadual 9:** Kesan Pelaksanaan Dan Penggunaan Sistem KoBo-PSH

Item	Pernyataan	Peratus				
		STS	TS	TP	S	SS
1.	Sistem ini menjimatkan masa dan tenaga untuk menyediakan/memproses data.	0	0	0	50	50
2.	Kecekapan pengurusan kursus di Jabatan Pembelajaran Sepanjang Hayat. (Perancangan, promosi, permohonan, penyediaan dokumen fail, analisa data)	0	0	0	61.11	38.89
3.	Mengoptimalkan penggunaan kemudahan sumber ICT yang terdapat di dalam kolej.	0	0	11.11	11.11	78.78



4.	Semakan pencapaian KPI pensyarah secara individu dapat dibuat dari semasa ke semasa	0	0	11.11	22.22	66.67
5.	Menyokong usaha kerajaan dalam kempen "Green Technology". (Paperless)	0	0	0	44.44	56.56
6.	Keselamatan data dan maklumat kursus.	0	0	0	72.22	22.22
7.	Capaian Data Dan Maklumat Berkenaan Kursus	0	0	0	61.11	38.89
8.	Kualiti Kerja Yang Diperolehi	0	0	0	72.22	27.78
9.	Semangat Untuk Bekerja	0	0	0	77.78	22.22

Jadual 9 menunjukkan kesan pelaksanaan dan penggunaan system KoBo-PSH terhadap produktiviti dan kualiti kerja dalam organisasi. Dari segi penjimatan masa dan tenaga untuk menyedia dan memproses data didapati 50% responden bersetuju dan 50% responden sangat setuju dengan pernyataan ini.

61.11% responden bersetuju sementara 38.89% responden sangat setuju dengan pernyataan yang menyatakan bahawa pengurusan kursus iaitu perancangan, permohonan, penyediaan dokumen dan analisa data lebih cekap dengan menggunakan system KoBo-PSH.

Penggunaan sistem ini juga sangat mengoptimumkan penggunaan sumber ICT di dalam kolej. Ini dipersetujui oleh responden kerana 11.1% bersetuju, 78.78% sangat bersetuju dan hanya 11.11% yang tidak pasti. Dari analisa juga didapati penggunaan system memudahkan semakan pencapaian pensyarah dari masa kesemasa. Dari pernyataan ini 11.11% tidak pasti, 22.22% bersetuju dan 66.67% iaitu majority bersetuju

Dari Jadual 9 juga menunjukkan bahawa dengan wujudnya system KoBo-PSH, ianya menyokong usaha kerajaan dalam kempen "Green Technology". Kebanyakan responden berpendapat bahawa sistem ini adalah "Green Technology". 55.56% sangat bersetuju dan 44.44% bersetuju bahawa berbanding sistem manual sistem ini lebih baik.

Bagi aspek keselamatan data dan maklumat kursus. Responden kebanyakan berpendapat bahawa Sistem KoBo-PSH ini adalah sangat baik dari segi keselamatan data dan maklumat kursus. 72.22% bersetuju dan 22.22% sangat bersetuju.

61.11% responden bersetuju dan 38.89% responden sangat setuju bahwa capaian data dan maklumat berkenaan kursus mudah diperolehi. Sebelum ini, responden kebanyakan berpendapat bahawa Sistem Manual adalah memuaskan sahaja tetapi apabila wujudnya Sistem KoBo-PSH responden berpendapat bahawa sistem ini adalah sangat baik untuk responden mencapai data dan maklumat berkenaan kursus.

Jadual juga menunjukkan kualiti kerja yang diperolehi oleh responden. Sebelum ini, responden kebanyakan berpendapat bahawa Sistem Manual adalah memuaskan sahaja tetapi apabila wujudnya Sistem Kobo-PSH responden berpendapat bahawa sistem ini adalah sangat baik dalam meningkatkan kualiti kerja. 72.22% bersetuju dan 27.78 responden sangat setuju

Bagi pernyataan terakhir 77.78% responden bersetuju dan 22.22% responden sangat setuju bahawa Sistem Kobo-PSH adalah sangat baik dalam meningkatkan semangat untuk bekerja.

#### **4.0 KESIMPULAN**

Berdasarkan maklum balas tinjauan kajian yang diterima, secara keseluruhannya dapat dirumuskan bahawa majoriti pensyarah di Kolej Komuniti Kota Marudu menyedari akan kewujudan sistem Kobo-PSH yang merupakan satu sistem pengurusan data kursus pembelajaran sepanjang hayat. Dari segi pandangan mengenai antara muka sistem pula majoriti pengguna bersetuju serta berpendapat bahawa grafik, warna dan susun letak bagi sistem adalah menarik, mudah dicapai dan maklumat mudah difahami. Dari segi tatacara didapati pengguna berpendapat bahawa sistem ini mudah digunakan, lebih cepat, borang-borang mudah diisi dan difahami. Bagi persoalan ke-4 iaitu kesan pelaksanaan dan penggunaan sistem keseluruhan rersponden menyatakan bahawa Sistem Kobo-PSH ini menjimatkan masa dan tenaga, kecekapan pengurusan kursus meningkat, mengoptimumkan penggunaan sumber dan ia menyokong usaha kerajaan dalam kempen “*green technology*”. Responden juga merasakan sistem ini lebih selamat, capaian data dan maklumat kursus lebih cepat dan meningkatkan kualiti kerja kerana mereka lebih bersemangat untuk kerja. Kesimpulannya sistem ini adalah baik digunakan dalam pengurusan di Jabatan Pembelajaran Sepanjang Hayat yang mana menggantikan sistem pengurusan manual yang sedia ada. Maka bagi memperkasakan lagi pengurusan PSH di Kolej Komuniti Kota Marudu agar lebih efisien dan produktiviti, Sistem KoBo-PSH adalah satu pendekatan inovatif dan kreatif yang menekankan pengurusan lebih sistematik dalam jabatan.

#### **5.0 RUJUKAN**

- Ahmad Hazry Mohamad Sabere. 2011. Manual E-Gerak Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan (JPNNS). Pejabat Setiausaha Negeri Sembilan.
- Bingimlas, K.A. 2009. Barriers to the Successful Integration of TMK in Teaching and Learning Environments: A Review of the Literature. *Eurasia Journal of Mathematics, Science and Technology Education*. 5(3): 235-245.
- Hizral Tazzif Hisha. 2004. Perisian Komersial, Sumber Terbuka Untungkan Pengguna. *Berita Harian*, 23 Jun: 03.

- Mohamed Amin Embi & Mohd Najib Adun. 2010. e-Pembelajaran di IPTA Malaysia. Jilid 1: 1. Pusat Pembangunan Akademik.
- Omar Yaakop. 2010. OpenSource: Perisian Alternatif Dalam Perkhidmatan Awam. Seminar Kebangsaan Teknologi Maklumat di Perpustakaan, 3-5 Ogos.
- Mohd Jasmi Jaafar. 2013. Pemantauan Pergerakan Pegawai dan Staf melalui eGerak. <http://gerbangkualiti.blogspot.com/2013/03/pemantauan-pergerakan-pegawai-dan-staf.html>. Unit Pengurusan Kualiti.
- Salmah Haslan. 2011. Intergrasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran Matematik. <http://salmahaslan.blogspot.com/2011/07/integrasi-teknologi-maklumat-dan.html>.
- Tajul Azhar Mohd Tajul Ariffin. 2011. Aplikasi Open Source Yang Dibangunkan dan Digunakan di Kolej-Kolej Matrikulasi. <http://oss.matrik.edu.my/>.
- Wheeler, D.A. 2007. Why Open Source Software / Free Software (OSS/FS, FLOSS, or FOSS)? Look at the Numbers! [http://www.dwheeler.com/oss\\_fs\\_why.html](http://www.dwheeler.com/oss_fs_why.html)